

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN
BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kerajaan akan menambah penubuhan Tabika Perpaduan di taman-taman perumahan/PPR baharu yang padat serta didiami penduduk pelbagai kaum yang berpendapatan rendah, khususnya di bandar-bandar besar seperti di Lembah Klang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara yang memberikan didikan awal kepada anggaran 38,363 orang kanak-kanak saban tahun.
2. Penambahan bilangan Tabika Perpaduan merupakan salah satu agenda utama sejak kementerian ini diwujudkan. Sehubungan itu, Kementerian merangka unjuran penambahan Tabika Perpaduan baharu ini dari masa ke semasa khususnya di kawasan penduduk berkepadatan tinggi seperti di taman-taman perumahan dan PPR di Lembah Klang.

NO SOALAN : 12

3. Penubuhan sesebuah Kelas Tabika Perpaduan adalah tertakluk kepada beberapa kriteria yang ditetapkan antaranya:

- a) Terdapat keperluan dan permintaan dari komuniti untuk penubuhan Tabika di kawasan tersebut.
- b) Mempunyai kanak-kanak berumur empat (4) hingga enam (6) tahun.
- c) Mempunyai premis yang sesuai untuk dijadikan kelas Tabika. (Dikawasan PPR, walaupun terdapat keperluan dan banyak permintaan namun terdapat kekangan dari segi ketiadaan premis yang bersesuaian dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan untuk dijadikan kelas Tabika).
- d) Keutamaan penubuhan Tabika Perpaduan adalah bagi kawasan yang mempunyai penduduk berbilang kaum.

4. KPN juga mengalu-alukan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak dalam usaha menyemai nilai-nilai perpaduan di peringkat awal usia kanak-kanak.